

# Kampuchea: Harapan kita kepada China

K. LUMPUR, Ahad  
MALAYSIA sekali lagi menyatakan harapan supaya semua pihak khususnya kuasa-kuasa besar bertindak untuk memudahkan tercapainya penyelesaian masalah Kampuchea.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed menegaskan, bagi mengelakkan kemungkinan pertikaian di negara-negara Indochina merebak ke negara-negara lain di rantau ini, adalah menjadi tanggungjawab kuasa-kuasa besar untuk tidak campurtangan dalam urusan dalam negeri negara-negara di rantau ini.

Berucap di Majlis Jamuan Makan Malam meraikan Perdana Menteri Republik Rakyat China, Encik Zhao Ziyang di Bangunan Parlimen di sini malam ini, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata negara-negara di rantau ini ingin melihat negara-negara di Indochina berada dalam suasana aman dan menumpukan usaha kepada pembangunan.

Encik Zhao tiba di sini pagi tadi untuk lawatan rasmi tiga hari dengan harapan memperkukuh kesefahaman, mengeratkan persahabatan dan meluaskan kerjasama antara kedua negara.

Beliau disambut oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed dan Menteri Luar, Tan Sri Ghazali Shafie.

Encik Zhao mengetuai rombongan sembilan orang tokoh pemimpin China termasuk Menteri Perdagangan Luarnya, Encik Li Qiang.

Beliau dan rombongannya adalah dalam rangka lawatan ke empat buah negara ASEAN terdiri dari Filipina, Malaysia, Thailand dan Singapura.

Encik Zhao telah membalas tabik hormat perbarisan 54 orang Askar Melayu Diraja diketuai oleh Kapten Shariman Adnan dalam upacara rasmi sambutan di Bangunan Parlimen disini.

Beliau kemudian diperkenalkan kepada

tokoh-tokoh pemimpin Malaysia dan perwakilan kedutaan asing di negara ini.

Dr Mahathir menyatakan bahawa negara-negara Indochina tidak pernah menikmati keadaan aman selama lebih dari tiga dekad.

Beliau memberitahu rakan sejawatnya itu, perkembangan di Indochina khususnya di Kampuchea adalah satu perkara yang membimbangkan Malaysia.

Malaysia bersama-sama dengan negara-negara ASEAN yang lain telah mengambil daya utama mencari penyelesaian politik terhadap masalah ini, yang tidak dapat sokongan antarabangsa.

Jelasnya, penyertaan sebilangan besar negara-negara anggota Bangsa-bangsa Bersatu dalam Persidangan Antarabangsa mengenai Kampuchea adalah bukti sokongan ini.

Pengisytiharan dan keputusan persidangan itu membuka jalan dan memberi harapan bahawa satu penyelesaian politik boleh dicapai jika terdapat kelkhlasan dan keinginan dari semua pihak.

## Hubungan

Perdana Menteri juga berkata, untuk memperkukuh lagi hubungan di antara Malaysia dan China, kedua-dua negara hendaklah bersama-sama berusaha mengatasi sebarang rintangan yang menjaja atau menghalangnya.

"Menerusi lawatan Encik Zhao Ziyang merupakan satu peluang bagi kedua-dua negara memahami dengan lebih dekat lagi masalah-masalah yang dihadapi dan pendirian masing-masing.

"Dengan per-sefahaman ini, apa-apa juga kesulitan yang dihadapi dapat diatasi.

Datuk Seri Dr. Mahathir yakin, di bawah pimpinan Encik Zhao, sebagai penganas eksperimen Sichuan, akan berjaya dalam usaha-usahanya memesatkan lagi pembangunan ekonomi Republik Rakyat China keseluruhannya.

Dengan pembangunan pesat, Republik itu memerlukan banyak bahan import dimana Malaysia dapat membekalkannya.

Katanya, Republik itu adalah diantara pengimport terbesar getah Malaysia.

Skop ini boleh diperluaskan lagi, kata Perdana Menteri dengan perkembangan teknologi baru getah bagi memenuhi keperluan perindustrian yang khusus dan tertentu, lapangan baharu telah terbuka dengan luasnya dalam perdagangan getah di antara kedua-dua negara.

Selain dari getah, kelapa sawit dan barang-barang perkilangan Malaysia boleh diimport dengan lebih besar ke Republik tersebut.

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed (kanan) mempersilakan Perdana Menteri Republik Rakyat China, Encik Zhao Ziyang, naik ke atas pentas khas yang disediakan di perkarangan Bangunan Parlimen di Kuala Lumpur untuk membalas tabik hormat perbarisan 54 orang Askar Melayu Diraja semalam.— Gambar Berita Harian oleh Goh Sing Chong.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia